

Bahasa Melayu Tahun 4
Tajuk : Nusaku

NAMA MURID

Aktiviti :

1. Baca lirik lagu dalam buku teks halaman 91.
2. Nyanyikan lagu dan jelaskan maksud lirik lagu.

Alif dan rakan-rakannya memohon maaf ketika menyampaikan pesanan melalui nyanyian boria.

Alif dan rakan-rakannya mengucapkan selamat sejahtera dan mengalu-alukan para hadirin.

Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan. Kita perlu menggunakannya. Bahasa Melayu merupakan identiti kita yang perlu diperkenal sehingga ke peringkat antara bangsa.

Kiita juga perlu mengamalkan adat resam negara. Budaya kita perlu disanjung di mana juga kita berada. Belia perlu mengekalkan jati diri agar dapat menarik minat masyarakat luar.

LIRIK LAGU

Assalamualaikum pembuka kata
Salam semua bersua kita
Boria Nusaku tajuk cerita
Kami 4 Wira penyampai berita

Bahasa Melayu bahasa bangsa
Sematkan di jiwa setiap masa
Jadikan bahasa identiti nusa
Agar bergema ke antarabangsa

Adat dibawa ke mana-mana
Budaya disanjung sini dan sana
Jati diri belia mestilah dijana
Moga menarik menambah pesona

Akhir bicara menyusun jari
Inilah kisah kami berperli
Ampun dan maaf harap diberi
Sekian sahaja kami undur diri

MAKSUD